

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/06/24 - 79

KEMUDAHAN KOTAK SERAHAN (DROP BOX) DISEDIAKAN DI SABAH DAN SARAWAK BAGI PENGEMUKAAN BORANG PERMOHONAN RAYUAN BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pemohon rayuan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) di Sabah dan Sarawak boleh mengemukakan borang dan semua dokumen sokongan berkaitan permohonan rayuan BPR mereka melalui kemudahan Kotak Serahan (Drop Box) yang disediakan di pejabat Cawangan, Pejabat Satelit dan Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM **serta di Pejabat-Pejabat Daerah yang berhampiran**. Kemudahan Kotak Serahan ini akan disediakan sehingga tarikh akhir permohonan rayuan BPR iaitu pada 30 Jun 2021.

Inisiatif ini diambil bagi memudahkan pemohon rayuan BPR di Sabah dan Sarawak yang mempunyai kesukaran untuk membuat permohonan rayuan secara dalam talian, sekali gus dapat membantu mereka mematuhi Prosedur Operasi Standard (S.O.P.) yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam mengekang penularan COVID-19 kerana larangan merentas daerah.

Melalui kaedah ini pemohon hanya perlu meletakkan borang rayuan BPR yang lengkap berserta semua dokumen sokongan berkaitan ke dalam kotak serahan yang disediakan mengikut waktu operasi pejabat-pejabat yang dinyatakan di atas.



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 1 daripada 3

Bagi memastikan borang dan dokumen yang diserahkan adalah teratur dan tidak bercampur dengan borang rayuan pemohon lain, pemohon diingatkan agar memasukkan borang dan dokumen sokongan rayuan BPR di dalam sampul atau mencantumkannya (Stapler) dengan kemas terlebih dahulu sebelum meletakkannya ke dalam kotak serahan tersebut.

Sekadar makluman, waktu operasi kaunter permohonan rayuan BPR di Cawangan, Pejabat Satelit dan Pusat Khidmat Hasil LHDNM dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 adalah seperti berikut:

Perkhidmatan	Waktu Operasi
Kaunter Bantuan Khas Kerajaan (Permohonan Rayuan BPR)	Melalui janji temu sahaja di portal rasmi BPR 8.00 pagi - 12.00 tengah hari (Berdasarkan Hari Bekerja Di Setiap Negeri)

Sila layari portal BPR di <https://bpr.hasil.gov.my> untuk maklumat lanjut berkaitan permohonan rayuan ini.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas juga boleh diajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Talian Hotline BPR di talian 1800-88-2747 (Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi - 4.00 petang);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>

#



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 3

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 Jun 2021



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 3